

# Pola Pengundian Pilihan Raya Umum Parlimen 2013 di Sarawak<sup>1</sup>

## *Voting Patterns of Parliamentary Elections 2013 In Sarawak*

Siti Noranizahhafizah Boyman<sup>1</sup> & Jayum Anak Jawan<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Kemasyarakatan & Kewarganegaraan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

<sup>2</sup>Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.

Email: noranizah@fsk.upsi.edu.my

### Abstrak

Kertas ini bertujuan membincangkan pola pengundian di Sarawak berkaitan pilihan raya umum parlimen ke-13 yang telah diadakan pada 5 Mei 2013. Sarawak sering diibaratkan sebagai simpanan tetap bagi Barisan Nasional (BN) pada setiap pilihan raya di Malaysia. Sehubungan itu, kertas ini akan meneliti pola pengundian mengikut kawasan pilihan raya di Sarawak bagi meninjau arah perubahan pengundian sekiranya ada dan ia akan cuba menerangkan kenapa ianya berlaku sedemikian atau sebaliknya. Perbandingan ringkas juga akan dilakukan untuk melihat pola pengundian pilihan raya parlimen pada 2008 dan 2013 bagi menentukan apakah ada perubahan dan arah perubahan itu. Akhir sekali, kertas ini membincangkan implikasi politik Sarawak ekoran pola pengundian pada pilihan raya 2013 kepada politik hubungan etnik di Sarawak dan juga di Malaysia umumnya.

**Kata kunci:** pola pengundian, Sarawak, pilihan raya umum parlimen, simpanan tetap

### Abstract

*This article aims to discuss the patterns of voting in Sarawak in the 13th parliamentary General Election which was held on 5 May 2013. Sarawak is often regarded as a fixed deposit for Barisan Nasional (BN) in every election conducted in Malaysia. In this regard, this article examines polling patterns in the constituencies of Sarawak to review the direction of voting changes if available and attempts to explain why it happens or otherwise. A brief comparison is also made to analyze the parliamentary voting patterns in 2008 and 2013 to determine whether there were any changes and directions. Finally, this article discusses the political implications of Sarawak following the patterns of voting in 2013 elections on the politics of ethnic relations on Sarawak as well as in Malaysia on the whole.*

**Keywords:** voting pattern, Sarawak, parliamentary elections, fixed deposits

### Pengenalan

Sarawak telah menjadi salah sebuah negeri penyelamat kepada Barisan Nasional (BN) selain Sabah kerana menyumbang 30 kerusi parlimen yang dimenangi oleh BN Sarawak pada pilihan raya parlimen 2008 (atau PRU ke-12) dan 25 kerusi parlimen pada pilihan raya parlimen 2013 (atau PRU ke-13). Walaupun jumlah itu telah menurun sedikit pada PRU 2013 berbanding PRU 2008, namun Sarawak tetap menjadi perhatian kerana kerusi yang disumbangkannya telah menjadikan kedudukan BN pusat lebih stabil dan kukuh terutamanya pada kedua-dua pilihan raya parlimen itu.

Berdasarkan prestasinya pada pilihan raya 2008, Sarawak boleh dianggap sebagai salah sebuah negeri yang masih menjadi kubu kuat BN dan sehingga pilihan raya 2013, negeri tersebut masih sukar ditembusi dengan signifikan oleh pihak lawan. Namun kedudukan sebagai kubu kuat BN itu telah berubah sedikit demi sedikit dan ini bermula dari pilihan raya negeri pada 2006 (PRN 2006). Perubahan kecil ini berterusan pada pilihan raya parlimen 2008, pilihan raya negeri 2011 dan pilihan raya parlimen 2013. Pada PRU 2013, perubahan agak besar berlaku apabila enam kerusi parlimen jatuh kepada pihak lawan, dan kesemuanya dari kawasan majoriti pengundi Cina dan kawasan-kawasan bandar. Keputusan

---

<sup>1</sup>Kertas kerja ini pernah dibentangkan di *Second International Conference on Elections and Democracy 2013: Continuity & Change*, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, 6-7 November 2013.

tersebut menunjukkan bahawa terdapat perubahan dan pengurangan undi atau sokongan kepada BN negeri dan BN pusat. Dalam masa yang sama pihak lawan BN negeri menerima sokongan dan sekaligus meningkatkan semangat mereka terutamanya *Democratic Action Party* (DAP) yang menerima majoriti kerusi yang jatuh dari tangan BN negeri dan juga Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang mendapat suntikan semangat kerana ini merupakan sokongan legislatif yang berupa pembaptisa parti itu di negeri berkenaan setelah lama mencuba nasib politiknya di negeri berkenaan.

Oleh itu, apakah Sarawak masih boleh dianggap sebagai simpanan tetap BN selepas PRU 2013? Ini adalah satu daripada soalan yang cuba dijawab oleh kertas ini. Selain itu, kertas ini juga akan memaparkan pola pengundian mengikut kawasan di Sarawak bagi meninjau arah perubahan jika ada dan cuba menerangkan kenapa ia berlaku atau sebaliknya. Bagi tujuan ini, pola pengundian PRU 2008 dan 2013 akan dibandingkan sebagai petunjuk perubahan sekiranya ada. Akhir sekali, kertas ini juga akan membincangkan implikasi politik Sarawak ekoran pola pengundian PRU 2013 kepada politik hubungan etnik di Sarawak dan juga di Malaysia umumnya.

### Keputusan PRU 2013

Pada PRU 2013, kerusi parlimen sahaja yang dipertandingkan di Sarawak kerana kerusi DUN diadakan secara berasingan. Jadual 1 adalah perbandingan keputusan PRU 2008 dan 2013. Jadual 1 turut menyenaraikan parti-parti politik yang bertanding pada PRU 2013 dan parti tersebut ialah BN, *Pan-Malaysian Islamic Party* (PAS) PKR, DAP, Parti Reformasi Negeri (STAR), Parti Pekerja Sarawak (SWP) dan Bebas. Perubahan pada parti yang bertanding pada PRU 2013 ialah kehilangan parti lama dan kemunculan parti baharu seperti Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) tidak bertanding kerana telah diharamkan tetapi kehilangan parti itu telah digantikan dengan kehadiran parti baharu seperti STAR dan SWP.

Jadual 1: Keputusan Pilihan Raya Parlimen, Sarawak

PARTI	PRU 2008		PRU 2013	
	Tanding	Menang	Tanding	Menang
BN	31	30	31	25
PAS	1	0	5	0
PKR	12	0	15	1
DAP	7	1	11	5
SNAP	3	0	-	-
STAR	-	-	7	0
SWP	-	-	6	0
Bebas	12	0	9	0
JUMLAH	-	31	-	31

Sumber: Diubah suai daripada laporan SPR (2009; 2015)

Berdasarkan jadual di atas, BN Sarawak memenangi dan menyumbangkan 25 kerusi parlimen PRU 2013. Jumlah ini menurun sebanyak lima kerusi berbanding jumlah yang dimenangi dan disumbangkannya pada PRU 2008. BN hilang lima kerusi parlimen pada PRU 2013 apabila tiga kawasan parlimen berjaya ditawan oleh DAP iaitu kawasan Stampin (P.196), Sarikei (P.208) dan Lanang (P.211). Dua lagi kawasan parlimen yang turut dimenangi oleh pembangkang ialah kawasan Miri (P.219) yang dimenangi oleh PKR dan Sibul (P.212) yang berjaya dipertahankan oleh DAP yang telah dimenanginya pada pilihan raya kecil parlimen bagi kawasan Sibul pada 2010. Manakala Bandar Kuching (P.195) kekal milik DAP.

Pemerhatian umum juga mendapati bahawa pada PRU 2013, semua kerusi parlimen dipertandingkan dan ini berbeza pada beberapa parlimen yang lalu yang menyaksikan beberapa kerusi telah dimenangi oleh BN tanpa bertanding.

Pada PRU 2013, terdapat parti yang baharu ditubuhkan dan pertama kali masuk bertanding di Sarawak seperti SWP (dikatakan sebagai parti anak beranak kerana tiga ahli keluarganya bertanding di PRU 2013 iaitu Larry Sng (anak Chee Hua) di Lubok Antu, Datuk Sng Chee Hua (bapa Larry) di Selangau dan George Lagong (bapa saudara Larry) di Hulu Rajang). Ada di antara pihak yang mendakwa bahawa kehadiran SWP pada pilihan raya 2013 lebih berupa suatu misi balas dendam berikutan pemecatan Larry Sng daripada Parti Rakyat Sarawak (PRS). Oleh itu SWP hanya bertanding di kawasan-kawasan yang ditandingi oleh PRS seperti di kawasan Sri Aman (P.202), Lubok Antu (P.203), Julau (P.209), Kanowit (P.210), Selangau (P.214) dan Hulu Rajang (P.216) (SPR, 2013). Namun, semua kawasan parlimen tersebut dimenangi oleh PRS pada 2013.

Selain itu, PRU 2013 juga menyaksikan cabaran dari calon bebas yang menawarkan diri kerana tidak dipilih semula oleh parti asalnya. Ada pendapat yang mengatakan bahawa Datuk Tiki Lafe bertanding atas tiket bebas di Mas Gading (P.192) kerana kecewa tidak dipilih sebagai calon selepas dipecat daripada Parti Demokratik Rakyat Sarawak (SPDP) (Noor Azam, 2013). Selain itu, kemunculan veteran Donald Lawan menarik perhatian kerana beliau adalah bekas ADUN Bukit Begunan, sudah 17 tahun tidak bertanding selepas kali terakhir tewas kepada calon BN, Mong Dagang, ketika bertanding atas tiket Bebas di Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Begunan pada 1996. Sebelum itu, pada Pilihan Raya DUN 1991, Lawan yang bertanding atas tiket BN mengalahkan calon Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) yang ketika itu parti pembangkang di peringkat negeri, Datuk Seri Daniel Tajem. Pada pilihan raya 2013, Donald Lawan bertanding atas tiket bebas di Sri Aman (P.202) dalam pertandingan empat penjujur melawan calon dari BN-PRS, SWP dan PKR. Selain itu, situasi yang menarik berlaku di kawasan Baram (P.220) yang melibatkan pertandingan tiga penjujur antara tiga ahli sekeluarga iaitu Anyi Ngau dari BN yang dicabar Roland Engan (anak saudaranya) yang bertanding atas tiket PKR dan Patrick Sibat Sujang (abang ipar) yang bertanding sebagai calon bebas (SPR, 2015). Dalam pertandingan di Baram, Anyi Ngau menang mengalahkan semua saudaranya.


### **Pola Pengundian Pada PRU 2013**

Bahagian ini membincangkan pola pengundian mengikut kawasan di Sarawak. Kajian ini meninjau kawasan-kawasan BN negeri telah kalah kepada lawannya dan yang mengalami penurunan jumlah undi. Perbandingan secara ringkas dilakukan untuk melihat pola pengundian di kawasan-kawasan yang dipertandingkan pada PRU 2008 dan 2013. Analisis juga menerangkan perkara-perkara yang mungkin menyebabkan situasi tersebut berlaku.

#### **a) Kawasan BN Kalah pada PRU 2013**

Pada PRU 2013, enam kawasan parlimen berjaya dimenangi oleh pembangkang. Dua kawasan berjaya dipertahankan oleh DAP iaitu Bandar Kuching (P.195) dan Sibiu (P.212). Kemudian, DAP menambahkan jumlah kerusi parlimennya apabila parti tersebut turut menang di tiga lagi kawasan, iaitu di Stampin (P.196), Sarikei (P.208) dan Lanang (P.211). Manakala satu lagi kawasan iaitu Miri (P.219) berjaya dirampas oleh PKR. Keenam-enam kawasan parlimen yang berjaya ditawan oleh ikatan pembangkang iaitu PR (Pakatan Rakyat) adalah kawasan bandar dan kawasan majoriti pengundi Cina.

Jadual 2: Kawasan BN Kalah di Sarawak pada PRU 2013



Sumber: Diubah suai daripada laporan SPR (2015)

Keenam-enam kawasan parlimen tersebut akan dianalisis satu persatu berdasarkan Jadual 2 yang menunjukkan kawasan BN kalah dan undi majoriti yang diperolehi oleh pembangkang pada PRU 2013. Kawasan parlimen bandar Kuching (P195) nampak semakin kukuh dalam genggamannya apabila parti tersebut mendapat jumlah undi majoriti sebanyak 19,642 berbanding jumlah yang diperolehi parti itu pada PRU 2008. Ini merupakan peningkatan undi sebanyak 97.3 peratus (SPR, 2009). Di antara enam kawasan yang berjaya ditawan oleh pembangkang, Bandar Kuching merupakan kawasan yang mendapat undi majoriti yang terbanyak. Jika dilihat dari segi komposisi pengundi pula, pengundi majoriti di bandar Kuching adalah pengundi Cina yang mewakili 90 peratus dari sejumlah pengundi berdaftar di kawasan tersebut. Dari segi calon, pada PRU 2013 BN diwakili oleh Tan Kai dan DAP diwakili oleh penyandangannya Chong Chieng Jen yang merupakan pemimpin utama DAP di peringkat negeri Sarawak. Selain itu, parlimen Bandar Kuching ini telah ditawan oleh DAP sejak PRU ke-11 pada tahun 2004 dan berjaya dikekalkan dalam dua pilihan raya parlimen berturut-turut, iaitu pada 2008 dan 2013 (SPR, 2009; 2015). Kawasan parlimen Bandar Kuching ini telah pun dikategorikan sebagai kawasan "hitam" oleh BN kerana ia telah menjadi kubu kuat DAP dan dirampas sukar untuk dirampas semula daripada DAP.

Kawasan parlimen Stampin (P.196) adalah kawasan kedua yang berjaya dirampas oleh DAP daripada BN dengan undi majoriti yang begitu besar iaitu 18,670 undi berbanding 3,070 undi pada PRU 2008. Ini mewakili peningkatan lebih kurang enam kali ganda dari undi majoriti sebelum ini. Pada PRU 2013 DAP diwakili oleh seorang calon baru dan muda iaitu Julian Tan Kok Ping yang terlibat dalam perniagaan dan mempunyai ijazah sarjana dalam bidang Sains Kejuruteraan (UTAR) (*DAP Sarawak*, 2013). Manakala BN diwakili oleh veteran politik dan pemimpin utama SUPP, iaitu Yong Khoo Seng yang pada ketika itu adalah Timbalan Menteri Kerja Raya Persekutuan dan telah menang empat penggal di kawasan tersebut. Kekalahan ini boleh dijangkakan kerana pada Pilihan Raya Negeri (PRN) 2011, kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di bawah kawasan parlimen Stampin iaitu Batu Lintang, Batu Kawah dan Kota Sentosa telah jatuh ke tangan DAP dan PKR dengan majoriti yang agak besar (SPR, 2015). Selain itu, calon BN Yong Khoo Seng juga dilihat seorang yang sudah terlalu lama menyandang kerusi parlimen itu dan pengundi dikatakan mahukan perubahan atau muka baharu.

Berikutnya ialah kawasan parlimen Sarikei (P208), DAP telah berjaya merampasnya daripada BN dengan undi majoriti yang agak tipis, iaitu sebanyak 505. DAP telah diwakili oleh Wong Ling Bui dan BN diwakili oleh Ding Kuong Hiing. Namun, sebelum pilihan raya berlangsung, ramai sudah

menjangkakan bahawa calon BN akan berhadapan dengan peluang yang amat sukar untuk melawan tentangan musuh tradisinya DAP kerana pada PRU 2008 Ding Kuong Hiing telah memenangi kawasan tersebut dengan hanya mendapat undi majoriti yang amat kecil iaitu sebanyak 51 undi.

Kawasan parlimen Lanang (P211), satu lagi kawasan bandar di Sibu, telah juga berjaya ditawan oleh DAP dengan undi majoriti yang agak tinggi iaitu sebanyak 8,630 undi berbanding pada PRU 2008 dimana parti tersebut telah memperolehi undi sebanyak 4,864. Pada pilihan raya 2013, DAP telah diwakili oleh Alice Lau Kiong Yieng dan BN diwakili oleh penyandang kerusi berkenaan, iaitu Tiong Thai King, yang telah menjadi wakil rakyat kawasan tersebut selama empat penggal berturut-turut. Umum berpandangan dan ramai berkata bahawa Tiong Thai King juga terpalit sebagai salah seorang “Datuk dan ahli parlimen” yang mendapat manfaat daripada Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud. *Sarawak Report* pada Februari 2012 melaporkan beliau terlibat dalam kes mahkamah yang berkaitan pencerobohan tanah adat di kampung Sungai Pelugau di kawasan beliau sendiri (*Sarawak Report*, 2012). Mahkamah telah mengesahkan bahawa tanah tersebut memang tanah adat dan tidak patut diceroboh.


Kawasan kelima untuk dibahaskan ialah kawasan parlimen Sibu (P212) yang kekal di tangan DAP pada PRU 2013 apabila calon parti tersebut telah menang dan memperolehi undi majoriti sebanyak 2,841 lebih rendah daripada undi majoriti diperolehi pada PRU 2008 iaitu 3,235. Pada 16 Mei 2010 Pilihan Raya Kecil (PRK) telah diadakan kerana kematian penyandanganya, Datuk Robert Lau Hoi Chew (Timbalan Menteri Pengangkutan), dari BN-SUPP. Pada PRK tersebut calon BN Robert Lau Hui Yew telah ditewaskan oleh DAP dengan undi majoriti 398 undi (SPR, 2015). Pemerhatian menunjukkan bahawa kekalahan SUPP pada PRK tersebut adalah kerana sentimen pengundi yang sudah mulai tidak suka kepada parti tersebut. Menurut Presiden SUPP, “Lebih 50 peratus pengundi berasa tidak senang dengan SUPP, sudah pasti kami perlu turun ke akar umbi untuk mengetahui puncanya” (*Berita Harian*, 2013b) Keadaan ini boleh menjadi punca kepada kegagalan BN (SUPP) merampas parlimen Sibu daripada DAP pada PRU 2013. Selain itu, dikatakan juga SUPP mengabaikan kawasan penempatan kaum Iban, masalah seperti ketiadaan bekalan air dan elektrik, jalan raya yang tidak sempurna atau tiada langsung dan perkara seumpama ini tidak diambil berat sedangkan itu adalah keperluan asas kepada masyarakat (*Berita Harian*, 2013a). Maka perkara-perkara ini boleh menjadi punca kepada kegagalan BN merampas semula kawasan ini daripada DAP pada PRU 2013.

Akhir sekali, kawasan parlimen Miri (P219) juga berjaya dirampas oleh PKR dengan undi majoriti sebanyak 1,992. Kawasan parlimen ini berada di bawah BN sejak PRU 1990 dengan Datuk Peter Chin Fah Kui sebagai ahli parlimen di situ sehingga PRU 2008. Pada PRU 2013, Peter Chin, Pengerusi SUPP mengundur diri dan memberi laluan kepada setiausaha politiknya Sebastian Ting Chiew Yew. PKR pula diwakili oleh Michael Teo Yu Keng. Beliau telah mula bekerja keras dan mendekati rakyat selepas Pilihan Raya Negeri 2011 lagi. Kawasan Miri ini sudah dijangka akan berlaku persaingan sengit antara BN-SUPP dan pembangkang PKR. Walau bagaimanapun, keputusan memihak kepada PKR. Antara isu yang dikaitkan dengan kekalahan BN-SUPP di Miri ialah isu rumah setinggan, isu tidak suka Ketua Menteri, masalah air kotor, masalah jalan raya dan bekalan elektrik.

## **b) Kawasan Mengalami Penurunan Undi pada PRU 2013**

Daripada 25 kerusi yang dimenangi oleh BN di Sarawak pada PRU 2013, ada tujuh kawasan telah mengalami penurunan undi majoritinya. Jadual 3 menunjukkan kawasan yang dimenangi oleh BN tetapi mengalami penurunan undi majoriti pada PRU 2013.

Jadual 3: Kawasan mengalami Penurunan Undi Majoriti, 2013



Sumber: Diubah suai daripada laporan SPR (2009; 2015)

Merujuk kepada Jadual 3, kawasan parlimen Mas Gading (P192) adalah salah satu kawasan yang dimenangi oleh BN tetapi mengalami penurunan undi sebanyak 6,395 atau 74.8 peratus pada PRU 2013. Kawasan ini adalah kawasan majoriti Bidayah, pengundi dari komuniti ini terdiri dari 78.7 peratus dari pengundi di kawasan tersebut. Penurunan undi yang diperolehi BN dikaitkan dengan pencalonan bebas Tiki Lafe, penyandang kerusi parlimen yang telah bertanding atas tiket bebas. Beliau telah mendapat undi sebanyak 6,109. Menurut bekas Naib Presiden SPDP, Datuk Sylvester Entri Muran: “Tiki berhak diberi peluang mempertahankan kedudukannya di sana... rakyat kawasan Parlimen Mas Gading mengakui kebolehan wakil rakyat mereka dalam usaha membawa pembangunan melalui sokongan yang digambarkan hasil kemenangan beberapa penggal lalu” (*Free Malaysia Today*, 2012b). Oleh itu, perkara ini adalah salah satu punca yang menyebabkan penurunan undi majoriti bagi BN di Mas Gading sebanyak lebih kurang 74.8 peratus.

Seterusnya, kawasan parlimen Serian (P199) juga mengalami penurunan undi majoriti walaupun hanya 276 undi atau 2.06 peratus sahaja pada PRU 2013. Pengundi majoriti di kawasan ini juga dari masyarakat Bidayah dan pengundi mereka adalah setinggi 83.21 peratus dari keseluruhan pengundi di kawasan ini. BN diwakili oleh Richard Riot Anak Jaem, yang pernah dilantik sebagai Timbalan Menteri Luar pada tahun 2008 dan kini Menteri Sumber Manusia pada 2013 dari SUPP yang telah berjaya mengekalkan kedudukannya selama lima penggal berturut-turut di kawasan tersebut. Manakala DAP diwakili oleh Edward Anak Andrew Luwak yang sebelum ini merupakan ahli SUPP yang telah dibuang parti kerana menentang BN. Sebelum berlangsung, Richard Riot ada memberi kenyataan bahawa “Saya percaya isu luar kawasan atau isu nasional yang dibawa pihak pembangkang tidak akan mempengaruhi tren pengundi di Serian. Kita tidak terlalu yakin tetapi optimis BN akan kekal menjadi pilihan penduduk di Serian” (*The Borneo Post*, 2013). Selain itu, pada Pilihan Raya Negeri 2011 yang lepas, dua kawasan DUN dalam dalam parlimen Serian iaitu Tebedu dan Kedup dimenangi oleh BN yang diwakili parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), tulang belakang BN Negeri di Sarawak. Perkara-perkara ini memberi keyakinan dapat mengekalkan kemenangan BN walaupun mengalami sedikit penurunan undi majoriti.

Kawasan parlimen Betong (P204) merupakan satu lagi kawasan yang dimenangi BN-PBB dengan penurunan undi sebanyak 822 undi atau 7.02 peratus pada PRU 2013. Pengundi majoriti di kawasan ini adalah Iban dengan jumlah sebanyak 52.4 peratus. Untuk kawasan Betong, calon BN menang melalui penyandangannya iaitu Datuk Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 2008, yang telah menjadi ahli parlimen kawasan tersebut sejak PRU 1982 iaitu selama tujuh penggal berturut-turut. Manakala PKR pula diwakili oleh Cecilia Siti Una yang merupakan Timbalan Ketua Wanita PKR Negeri Sarawak dan pernah menjadi pengarah pilihan raya di Layar pada 2011. Douglas Uggah kekal di kawasannya selama tujuh penggal kerana dikatakan beliau sering turun

padang untuk bertemu dan mendengar permasalahan yang diutarakan oleh masyarakat di kawasan berkenaan. Beliau juga mendapat sokongan padu daripada tiga ADUN yang berada di bawah kawasannya iaitu ADUN Layar, Bukit Saban dan Saribas.

Kawasan parlimen Julau (P209) juga mencatatkan penurunan undi sebanyak 21.5 peratus atau 1,629 undi majoriti pada PRU 2013. Kawasan parlimen ini mempunyai majoriti pengundi Iban dimana pengundi dari komuniti ini terdiri daripada 92.8 peratus dari keseluruhan pengundi di kawasan ini. Pada PRU 2013, BN diwakili oleh Datuk Joseph Salang Anak Gandum dari PRS yang pada ketika itu adalah Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi & Kebudayaan Persekutuan. Joseph Salang berjaya mempertahankan kerusinya yang beliau telah menangi selama tiga penggal berturut-turut sebelum ini. Beliau telah ditentang oleh Wong Anak Judat bekas Naib Presiden SPDP, sengketa yang wujud telah menyebabkan beliau bertanding menggunakan tiket SWP untuk menentang Joseph. Manakala PKR pula diwakili oleh Wong Hong Yu. Adalah dilaporkan bahawa Wong anak Judat dan Joseph Salang ada krisis salah faham berkaitan pemindahan wang RM3 juta ke atas jalan yang masih dalam kajian perunding (*Free Malaysia Today*, 2012a). Selain itu, Wong anak Judat juga dilaporkan mendakwa bahawa Joseph Salang adalah orang luar, menurutnya, “dari Bintangor yang terletak bersebelahan dan bukan anak jati Julau. Oleh itu, mengikut dakwaan Wong seterusnya, Joseph Salang tidak akan mengambil berat sangat tentang masa depan Julau dan pengundinya” (*Malaysia-Chronicle*, 2013). Krisis dan status Joseph Salang yang bukan anak jati Julau ini yang menyebabkan Wong Anak Judat menentang Joseph Salang. Perkara-perkara tersebut sedikit sebanyak telah mengurangkan undi majoriti yang diperolehi oleh BN di kawasan berkenaan.

Pada PRU 2013, kawasan parlimen Bintulu (P217) telah menyaksikan penurunan prestasi calon dan parti SPDP yang agak ketara kerana calon SPDP di situ telah menang dengan penurunan undi majoriti sebanyak 7532 undi iaitu 50.3 peratus. BN diwakili oleh Timbalan Presiden SPDP, Datuk Seri Tiong King Sing yang telah menjadi ahli parlimen kawasan Bintulu itu selama tiga penggal berturut-turut. Penyokong SPDP dilaporkan berkata bahawa pemilihan Tiong untuk bertanding di situ dan menang kemudiannya adalah amat relevan kerana khidmat serta pengalamannya masih diperlukan oleh penduduk Bintulu. Tambahan, beliau dikatakan telah banyak membawa pembangunan untuk kawasan Bintulu selama beliau menjadi ahli parlimen di kawasan tersebut untuk tiga penggal, dan beliau juga dilaporkan sebagai seorang ahli parlimen yang bersifat “mesra rakyat”. Manakala calon DAP yang menentang beliau ialah John Brian Anthony yang juga tidak kurang popular sebagai ikon agensi bukan kerajaan. Beliau sebelum ini bertanding pada PRN 2006 tetapi tewas tipis kepada calon BN di DUN Kemena (N60) dan pada PRN 2011 beliau juga tewas kepada calon BN di kawasan Meluan (N42). Sekiranya sebelum ini kawasan ini dikategorikan sebagai kawasan putih maka kini mungkin telah bertukar kepada kelabu kerana dapat dilihat sokongan kepada DAP yang semakin meningkat. Justeru BN perlu lebih berwaspada pada pilihan raya yang seterusnya yang terdekat ialah PRN dan PRU ke-14 akan datang.

Di kawasan parlimen Baram (P220), BN hanya menang tipis dengan undi majoriti yang menurun sebanyak 95.2 peratus apabila calon parti pemerintah mendapat undi majoriti sebanyak 194 undi sahaja pada PRU 2013. Kawasan parlimen ini adalah kawasan campuran dengan pengundi terbanyak terdiri dari pengundi dari masyarakat Orang Ulu sebanyak 42.24 peratus, Iban 38.98 peratus, Cina 6.25 peratus dan Melayu dan lain-lain dua peratus. Anyi Ngau, bekas Pegawai Daerah Limbang telah dipilih sebagai calon BN menggantikan penyandangannya Datuk Jacob Dungau Sagan. Pertandingan di Baram melibatkan pertandingan tiga penjujur antara tiga sekeluarga iaitu Anyi Ngau calon dari BN yang dicabar oleh Roland Engan (anak saudaranya) yang mewakili PKR dan Patrick Sibat Sujang (abang ipar) yang bertanding sebagai calon bebas (SPR, 2015). Persaingan sengit adalah antara Anyi Ngau dan Roland Engan dan kerusi tersebut telah dimenangi oleh Anyi dengan undi majoriti tipis, iaitu sebanyak 194. Roland dilaporkan telah membuat aduan di Tribunal Rakyat bahawa ada pusat mengundi di kawasan parlimen Baram yang dibuka tiga jam sahaja tanpa dimaklumkan terlebih dahulu (Nigel, 2013). Jika dahulu kawasan ini dikategorikan sebagai kelabu, maka selepas PRU 2013 ia adalah di bawah kategori hitam dan BN perlu lebih berjaga-jaga kerana ada kemungkinan besar kawasan ini sukar diramalkan sebagai mudah dipertahankan oleh BN pada masa akan datang.

Kawasan parlimen Lawas (P.222) juga merupakan kawasan yang mengalami penurunan undi majoriti kepada 1,762 undi atau 22.6 peratus pada PRU 2013. Kawasan parlimen ini mempunyai pengundi majoriti Orang Ulu yang terdiri daripada 51.26 peratus, Melayu 31.53 peratus, Cina 8.21

peratus, Iban 3.15 peratus dan lain-lain sebanyak 0.25 peratus. Di kawasan ini, BN diwakili oleh Henry Sum Agong dari PBB dan beliau merupakan penyandang kawasan parlimen ini. Beliau ditentang oleh Baru Langub, seorang doktor gigi yang juga Timbalan Pengerusi DAP cawangan Tasik Biru dan Alirahman bin Kamseh yang bertanding di bawah lambang STAR. BN menang di kawasan ini kerana sokongan orang Melayu yang takut kehilangan bantuan subsidi kerana kebanyakan mereka adalah nelayan. Kawasan ini boleh dikategorikan sebagai kawasan putih kelabu kerana jika dibandingkan pada PRU 2008, sokongan pengundi Lawas kepada DAP meningkat lebih 50 peratus.

## **Implikasi**

Pengkajian ke atas pola pengundian di Sarawak pada PRU 2013 menunjukkan terdapat beberapa penemuan utama. Pertama, perubahan pola pengundian jelas ditunjukkan di beberapa kawasan di negeri ini. Walaupun perubahan ini sedikit dari segi bilangan kerusi dan berdasarkan perubahan undi di kawasan-kawasan tertentu, tetapi ianya sangat signifikan berdasarkan peranan Sarawak sebagai “ayam tambatan” kepada BN. Perubahan ini dapat dilihat dari segi jumlah kawasan yang berjaya diambil oleh pembangkang semakin meningkat dan penurunan undi majoriti di banyak kawasan berbanding PRU 2008.

Kedua, berasaskan keputusan dan undi diperolehi parti-parti dari Semenanjung, maka dapat disimpulkan bahawa pengundi Sarawak mula berjinak dengan parti politik dari atau yang berpusat di semenanjung seperti DAP dan khasnya PKR yang baharu sahaja menceburkan diri dalam pilihan raya di Sarawak. Justeru, hujah sebelum ini yang menyatakan bahawa parti tempatan sahaja mampu menambat hati pengundi Sarawak sudah menjadi kurang relevan lagi khasnya pada dan selepas PRU ke-13 yang telah diadakan pada 2013. Berdasarkan keputusan PRU 2013, penguasaan beberapa kerusi yang sebelum ini dikuasai parti politik tempatan di Sarawak tetapi kini beralih kepada DAP dan PKR. Kedua-dua parti politik ini adalah berpusat di Semenanjung dan diketuai oleh orang Semenanjung. Sokongan kepada DAP dan PKR ini telah mula meningkat dengan jelas pada PRN 2006, PRN 2011 dan PRU 2013 berbanding yang terdahulu enam kerusi dimenangi oleh DAP, satu PKR.

Ketiga, pemerhatian dan analisis mendapati bahawa kesepakatan parti politik yang bertanding pada PRU 2013 adalah lebih baik. Ini adalah kali pertama semua kerusi parlimen dipertandingkan dan tiada seorang calon yang menang tanpa bertanding. Pakatan Rakyat (PR) telah membahagikan kerusi-kerusi di antara mereka dengan kerjasama yang baik di mana PKR bertanding di 15 kawasan, DAP 11 kawasan dan PAS lima kawasan. PR yang menentang BN cuba mengelakkan bertanding sesama mereka, tetapi cuba menegakkan “satu lawan satu” dengan BN.

Keempat, tahap politik hubungan etnik di Sarawak agak berbeza dengan hubungan politik dan etnik di Semenanjung. Perbezaan ini dapat dilihat kerana keunikan Sarawak dari segi komposisi penduduk, sejarah berpolitik, kebudayaan, kepercayaan dan pembangunan sosioekonomi. Oleh itu, politik hubungan etnik yang lebih baik dari Semenanjung masih mewarnai politik Sarawak kerana parti-parti politik masih berasaskan etnik tetapi mereka tidak terlalu rasis dalam perjuangan dan bertanding dalam keadaan yang terkawal dan bersifat “gentleman” dalam berlawan. Walau bagaimanapun, ada masa proses politik dan kempen tegang kerana pembawaan parti politik dan individu dari Semenanjung diikuti-ikuti oleh sesetengah calon yang cuba menawan perhatian dan undi.

Akhir sekali, apakah peranan Sarawak dalam menentukan kestabilan politik BN dan mengukuhkan kedudukannya apabila prestasinya semakin menurun berbanding PRU-PRU sebelum ini. Menurut seorang sarjana dari Sarawak, Jayum anak Jawan, peranan penting Sabah dan Sarawak sebagai *voice of reason* dan *keeper of moderation*. Beliau berpendapat:

“Adalah amat penting untuk Sabah dan Sarawak bersatu demi kestabilan politik Malaysia yang dinamik dan berpotensi untuk sebarang perubahan. Peranan Sabah dan Sarawak penting kerana dua negeri ini bersifat plural dan amat bergantung kepada kerjasama erat antara etnik. Media merupakan satu alat yang amat penting dalam politik Malaysia kerana media itu berkemampuan untuk membentuk persepsi masyarakat” (Wacana Pra PRU 13: Siapa Jadi Pilihan yang dianjurkan oleh Majlis Profesor Negara pada 17 Januari 2013).



Namun, peranan ini tidak pasti kekal sampai bila-bila kerana sejak PRN 2006, PRN 2011 dan PRU 2013 telah berlaku perubahan peningkatan sokongan kepada PR hingga menyebabkan kehilangan kawasan dan penurunan undi majoriti di Sarawak.

Dapat dirumuskan walaupun terdapat perubahan dalam pola pengundian di Sarawak pada PRU 2013, isu-isu pembangunan masih mendominasi suasana kempen-kempen. Maka dapat dikatakan pola pengundian di Sarawak masih bergantung kepada sokongan faktor etnik dan isu asas yang mendasarinya ialah pembangunan dan kemajuan sosioekonomi (Jayum 1984; 1987; 1991; 1993 & 2004 dan Wan Abdul Rahman & Mohd Fuad, 2003). Boleh dikatakan faktor yang mempengaruhi pengundi di Sarawak adalah berbeza dengan di Semenanjung (James, 2003). Situasi ini berlaku kerana di kebanyakan kawasan pedalaman, kerajaan yang memerintah masih belum menyelesaikan tanggungjawab mereka dalam memenuhi keperluan-keperluan yang asas kepada rakyat. Walau bagaimanapun, telah ada perubahan sedikit tentang isu-isu yang dijadikan modal sewaktu berkempen antaranya seperti isu rasuah, masalah ekonomi, kos sara hidup, harga rumah, pemimpin yang terlalu lama, kekurangan peluang pekerjaan dan pembangunan tidak terancang.

## Kesimpulan

Walaupun Sarawak dilihat masih menyumbang 25 daripada keseluruhan 31 kerusi parlimen kepada BN pada PRU 2013, namun, beberapa kawasan telah mengalami penurunan undi majoriti. Hasil kajian menunjukkan sokongan ini berkekalan kepada BN kerana didominasi dengan politik pembangunan dan kemajuan sosioekonomi. Walau bagaimanapun, pada PRU 2013 telah berlaku beberapa perubahan dan implikasi seperti peningkatan sokongan kepada DAP dan PKR, penerimaan pengundi Sarawak kepada politik Semenanjung, kesepakatan parti politik yang lebih baik, tahap politik etnik yang lebih *moderate* dan peranan Sarawak sebagai *voice of reason* dan *keeper of moderation*. Justeru, situasi yang berlaku pada PRU 2013, sedikit sebanyak akan memberi kesan kepada pilihan raya akan datang seperti mana PRN 2011 memberi kesan kepada PRU 2013.

## Rujukan

- Berita Harian. (2013a). *BN kena bedah siasat punca calon SUPP tewas di Sibuluan*. Diakses pada 10 September 2013 di <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/>.
- Berita Harian. (2013b). *Dr Chan akui sentimen pengundi terhadap SUPP punca kekalahan*. Diakses pada 10 September 2013 di <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/>.
- DAP Sarawak. (2013). *Calon-calon DAP Sarawak*. Diakses pada 08 Ogos 2013 di <http://ge.dapsarawak.com/p196.php>.
- Free Malaysia Today. (2012a). *PKR, SWP may face tough fight in Julau*. Diakses pada 10 September 2013 di <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation>.
- Free Malaysia Today. (2012b). *Tiki Lafe calon terbaik Parlimen Mas Gading*. Diakses pada 18 September 2013 di <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation>.
- Ghazali Mayudin & Lee Kuok Tiung. (2008). Politik cina dalam Pilihan Raya Dewan Undangan Sarawak 2006: Manifestasi protes daripada rakyat. *Jebat*, 35 (2008), 17- 32.
- Jayum A. Jawan. (1984). Pilihan raya Sarawak 1983: Satu tinjauan. *Ilmu Masyarakat* 5, Jan-Jun: 56-61.
- \_\_\_\_\_. (1987). *The Sarawak State Election of 1987: The Dayakism factor*. Kuala Lumpur: Maju Tulis.
- \_\_\_\_\_. (1991). *The ethnic factor in modern politics: The case of Sarawak, East Malaysia*. University of Hull: Centre for Southeast Asian Studies Monograph No.20.
- \_\_\_\_\_. (1993). The Sarawak State General Election of 1991. *Kajian Malaysia* 11 (1), Jun: 1-21.
- \_\_\_\_\_. (2004). *Ethnicity & electoral politics in Sarawak*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- James Chin. (2003). The Melanau-Malays schism erupts again: Sarawak at the poll. Dlm. Francis K W Loh & Johan Saravanamuttu (pnyt.) *New politics in Malaysia*, hlm. 1-24. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.

- Kris Jitab & James Ritchie. (1992). *Politik Pembangunan Taib Mahmud*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Malaysia-Chronicle. (2013). *Joseph Salang orang luar yang amat disayangi*. Diakses pada 10 September 2013 di <http://bm.malaysia-chronicle.com/index.php>.
- Nigel Aw. (2013, September 22). Hanya 3 jam untuk penduduk Baram mengundi. *Malaysia Kini*. Diakses pada 25 September 2013 di [://m.malaysiakini.com/news/241772](http://m.malaysiakini.com/news/241772).
- Noor Azam Shairi. (2013, April 21). Jaga-jaga dengan calon bebas. *Astro Awani*. Diakses pada 15 Julai 2013 di [www.astroawani.com/news](http://www.astroawani.com/news).
- Rizal Yaakop & Ghazali Mayudin. (2008). Traditionalism and electoral politics in the Land of the Hornbills, Sarawak. *Jebat*, 35 (2008), 65-80.
- Sarawak Report. (2012). *BN's dirty Datuks and wealthy YBs – Tiong Thai King*. Diakses pada 10 September 2013 di [www.sarawakreport.org](http://www.sarawakreport.org).
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2005). *Laporan Pilihan Raya Umum 2004*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2009). *Laporan Pilihan Raya Umum Ke-12*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2015). *Laporan Pilihan Raya Umum Ke-13*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- The Borneo Post. (2013). *Isu luar Kawasan tidak jejas sokongan pengundi*. Diakses pada 20 Ogos 2013 di <http://www.theborneopost.com>.
- Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif & Mohd Fuad Mat Jali. (2003). Pilihan Raya DUN Sarawak: Satu analisis ekonomi politik. *Jebat*, 30 (2003), 23-41.